

06/01/1997

Laporan fotostat mengenai Mahathir laris

SEREMBAN, Ahad - Laporan fotostat mengenai kejayaan Malaysia dan temuramah khas dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diterbitkan sebuah majalah mingguan antarabangsa, laris seperti pisang goreng panas di bandar ini.

Laporan yang diterbitkan oleh majalah Time keluaran 9 Disember lalu menarik minat ramai penduduk, bagaimanapun, mereka hampa tidak dapat membelinya kerana kehabisan stok.

Antara kandungan laporan bertajuk 'Bound For Glory' itu ialah mengenai kejayaan negara dalam pelbagai bidang, termasuk projek raksasa era Dr Mahathir yang kini menjadi kenyataan seperti Menara Petronas dan yang akan dilaksanakan seperti Koridor Raya Multimedia.

Seorang penjual akhbar di bandar ini yang menyedari permintaan terhadap majalah itu, mengambil inisiatif menjual fotostat laporan 11 salinan itu pada harga RM2 setiap set.

Ng Luen Mee, 46, dari Jalan Manickavasagam dekat sini, menjual fotostat laporan itu di depan sebuah pusat beli-belah di Jalan Tuanku Munawir di sini, mulai semalam.

(END)